

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk memberikan komitmen serta membentangkan rancangan untuk mengharamkan perkahwinan di bawah umur bagi memastikan eksploitasi kanak-kanak dapat dibendung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan obligasi negara terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Kementerian ini berpegang kepada prinsip bahawa kanak-kanak seharusnya diberi peluang untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. Perkahwinan pada usia muda bercanggah dengan prinsip perkembangan kanak-kanak dan sewajarnya dielakkan kerana ia boleh memberi kesan terhadap hak kanak-kanak ke atas pendidikan, kesihatan reproduktif, kesihatan emosi dan mental. Perkara ini memerlukan perhatian yang serius dan perlu ditangani secara bersepadu oleh semua pihak.

Dalam hal ini, Kerajaan komited dalam meneruskan usaha bagi menangani perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan dan pemantauan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 8 Januari 2020.

SOALAN NO : 34

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Pelan ini dilaksanakan untuk sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2025. Pada 24 Ogos 2020 yang lepas, satu Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah bersidang yang bertujuan untuk memantau perkembangan program dan tindakan bagi setiap strategi di bawah Pelan tersebut.

Selain itu, Kementerian turut menyediakan satu pelan komunikasi strategik di samping merangka program advokasi secara menyeluruh sepanjang tempoh lima (5) tahun pelaksanaan Pelan ini.

Memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum yang mempunyai adat, budaya dan agama yang berlainan, maka perundingan dan sesi libat urus bersama pakar-pakar berkaitan termasuk pakar kanak-kanak, pakar budaya dan pakar syarie perlu dilaksanakan secara berterusan dan berperingkat bagi memastikan pandangan daripada semua pihak diambil kira dalam penetapan had minimum umur perkahwinan pada umur 18 tahun. Walau bagaimanapun, penetapan had umur ini juga adalah tertakluk pada kuasa Majlis Agama Islam Negeri.